**Budaya Popular dalam Masyarakat Melayu:**
**Analisis Perspektif Hukum Islam**

**Penulis:**
Muhammad Khairul Hafiz Noor Hissham[1],
Mohd Anuar Ramli[2], Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar[3]

**Email:**
mohdanuar@um.edu.my[2], syedjeffri89@um.edu.my[3]

**Abstrak:** Fenomena budaya popular merupakan suatu realiti yang tidak dapat dipisahkan dalam sistem sosial dan budaya sesebuah masyarakat. Perkembangannya bertambah rancak dengan revolusi industri dan ledakan kemajuan teknologi maklumat serta komunikasi. Lantas mendorong kepada penyaluran budaya asing secara terbuka, bebas, tanpa sempadan dan disambut dengan peniruan serta peminjaman budaya oleh pihak lain.

Di Malaysia, penularan budaya popular dari luar ini secara tidak langsung mengancam sistem nilai, norma sosial serta budaya asli masyarakat setempat. Selain itu, ia turut menimbulkan persoalan berkaitan hukum Islam kerana melibatkan unsur penyerupaan (tashabbuh) yang dilarang. Sehubungan dengan itu, kajian ini menfokuskan terhadap analisis budaya popular terpilih yang menjadi ikutan khusus dalam kalangan masyarakat Melayu Islam pada masa kini. Antaranya amalan bridal shower, swafoto kematian, fotografi pra-perkahwinan dan juga hiburan seperti K-pop, tarian rave dan Tik-Tok. Bagi mencapai objektif kajian, penulis mengaplikasi reka bentuk kajian kualitatif sepenuhnya dalam mengumpul dan menganalisis data. Data-data kajian dikumpul berdasarkan kajian kepustakaan melalui dokumen bercetak (bertulis) dan tidak bercetak (visual). Data yang dikumpul telah dianalisis kandungannya. Penulis turut menggunakan pendekatan al-urf bagi menentukan status amalan budaya popular dalam kalangan masyarakat Melayu sama ada diklasifikasikan sebagai amalan yang saī (diterima) ataupun fāsid (ditolak).

Hasil kajian mendapati, terdapat budaya popular yang mendatangkan manfaat dan berimpak positif kepada masyarakat tempatan. Justeru budaya dalam kategori ini adalah diterima dan hukumnya adalah harus. Sebaliknya, budaya popular yang mendorong tindakan hedonistik, melanggar batasan syarak serta bertentangan dengan nilai serta norma hidup masyarakat tempatan diklasifikasikan sebagai suatu amalan yang ditolak kerana boleh membawa kepada kepincangan dalam kehidupan masyarakat. Sehubungan dengan itu, masyarakat Islam perlu berhati-hati dalam peniruan dan pengamalan budaya popular masyarakat asing agar terhindar daripada larangan Syarak dan batasannya.

**Kata kunci:** Budaya popular, hedonisme, norma sosial, syarak



# BUDAYA POPULAR

## Dalam Masyarakat Melayu : Analisis Perspektif Hukum Islam

MUHAMMAD KHAIRUL HAFIZ NOOR HISSHAM
MOHD ANUAR RAMLI
SYED MOHD JEFFRI SYED JAAFAR

Penerbit UTHM

BUDAYA POPULAR DALAM MASYARAKAT MELAYU: ANALISIS PERSPEKTIF HUKUM ISLAM

# BUDAYA POPULAR

## Dalam Masyarakat Melayu :

## Analisis Perspektif Hukum Islam

Budaya Popular 1.indd 1 19-Sep-24 2:46:50 PM

# BUDAYA POPULAR

## Dalam Masyarakat Melayu :
## Analisis Perspektif Hukum Islam

MUHAMMAD KHAIRUL HAFIZ NOOR HISSHAM
MOHD ANUAR RAMLI
SYED MOHD JEFFRI SYED JAAFAR

Penerbit UTHM
2024

© Penerbit UTHM

Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Penulis: Muhammad Khairul Hafiz Noor Hissham, Mohd Anuar Ramli, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar

ISBN: 978-629-490-091-2

Diterbitkan oleh:

Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
Tel: 07-453 8698 / 8529
Faks: 07-453 6145

Dicetak oleh:
Percetakan Ilham Selatan
No.10 Jalan Perdagangan 16,
Taman Universiti, 81300 Skudai, Johor

Laman web: http://penerbit.uthm.edu.my
E-mel: pemasaran.uthm@gmail.com
http://e-bookstore.uthm.edu.my

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-091-2

# ISI KANDUNGAN

*Senarai Rajah* *vii*
*Senarai Kependekan/Singkatan* *ix*
*Panduan Transiterasi* *xi*
*Prakata* *xiii*
*Penghargaan* *xv*

PENDAHULUAN 1

KONSEP BUDAYA POPULAR 17

CIRI-CIRI BUDAYA POPULAR 27
1. Melahirkan Fenomena Ikutan 27
2. Berunsurkan Kontemporari 28
3. Cenderung Bersifat Sementara 28
4. Mudah Diadaptasi 29
5. Fenomena Bandaran (Urban) 29
6. Berpotensi Merentasi Kelas Sosial Masyarakat 30
7. Berunsurkan Komersial 30
8. Bentuk yang Seragam (Homogen) 31
9. Lebih Berunsurkan Hiburan (Hedonisme) 31
10. Merevolusi Budaya Asli Masyarakat 32

PERKEMBANGAN BUDAYA POPULAR 33



Budaya Popular 1.indd 5 19-Sep-24 2:46:51 PM

FAKTOR PERTUMBUHAN BUDAYA POPULAR DALAM SISTEM SOSIAL MASYARAKAT 43

BUDAYA POPULAR DALAM MASYARAKAT MELAYU-ISLAM DI MALAYSIA 51
1. Fotografi Pra-Perkahwinan 52
2. *Bridal Shower* 54
3. Swafoto Kematian 56
4. *K-Pop* 63
5. *Raver* 67
6. *TikTok* 73

PENDEKATAN HUKUM ISLAM DALAM ANALISIS BUDAYA POPULAR 79

ANALISIS BUDAYA POPULAR DARI PERSPEKTIF HUKUM ISLAM 91
1. Analisis Hukum Budaya Fotografi Pra-Perkahwinan 93
2. Analisis Hukum Budaya *Bridal Shower* 102
3. Analisis Hukum Budaya Swafoto Kematian 111
4. Analisis Hukum Budaya *K-Pop* 118
5. Analisis Hukum Budaya *Raver* 128
6. Analisis Hukum Budaya Penggunaan Aplikasi *TikTok* 136

Ringkasan Perbincangan Analisis Hukum Budaya Popular 143

PENUTUP 149

*Glosari* *153*
*Bibliografi* *157*



Budaya Popular 1.indd 6 19-Sep-24 2:46:51 PM

# SENARAI RAJAH


| | | |
|---|---|---|
| Rajah 1 | Pengamalan atau perlakuan manusia sebagai subjek hukum. | 4 |
| Rajah 2 | Aplikasi pendekatan *al-'urf* yang berorientasikan sosiologi hukum Islam sebagai asas pertimbangan budaya popular. | 85 |
| Rajah 3 | Klasifikasi pengamalan budaya popular yang dianalisis. | 151 |




Budaya Popular 1.indd 7 19-Sep-24 2:46:51 PM

# SENARAI KEPENDEKAN/ SINGKATAN

| | |
|---|---|
| ATM | Angkatan Tentera Malaysia |
| ASWARA | Management & Science University |
| Curhat | Curahan hati |
| DJ | *Disc (Disk) Jockey* (deejay) |
| ed. | Editor |
| et al. | Dan rakan-rakan |
| Ibid. | Ibidem: Pengarang, tajuk buku dal halaman yang sama |
| iOS | Dikenali sebagai iPhone OS. Satu sistem operasi mudah alih yang dibangunkan oleh Apple Inc eksklusive bagi peranti-peranti dibawahnya. |
| J-Pop | *Japanese Popular* (Pop Jepun: Sejenis aliran muzik yang berasal dari Jepun |
| K-Pop | *Korean Popular* (Pop Korea: Sejenis aliran muzik yang berasal dari Korea Selatan |
| KLCC | *Kuala Lumpur City Centre* |
| KOL | *Key Opinion Leader*: Merujuk kepada tokoh-tokoh idola popular yang mempunyai pengaruh besar dalam masyarakat sama ada berkaitan sesuatu produk atau sebagai pakar dalam sesuatu bidang dan seumpamanya lagi. |
| RA | Radiallahu 'Anhu |
| *Rave* | *Radical Audio Visual Experience* |
| SWT | Subhanahu Wa Ta'ala |



Budaya Popular 1.indd 9 19-Sep-24 2:46:51 PM

| | |
|---|---|
| SAW | Ṣalla Allahu ʻĀlaihi Wasallam. |
| SLR | *Single-Lense Reflex* (refleksi lensa tunggal) |
| TAR | Tunku Abdul Rahman |
| UiTM | Universiti Teknologi Mara |
| UniKL | Universiti Kuala Lumpur |



Budaya Popular 1.indd 10 19-Sep-24 2:46:51 PM

# PANDUAN TRANSLITERASI

Senarai panduan tersebut adalah seperti berikut:

i. Huruf Konsonan

| Huruf Arab | Nama | Huruf Latin |
|---|---|---|
| ا،ء | *alif* | a,’ |
| ب | *bā’* | b |
| ت | *tā’* | t |
| ث | *thā’* | th |
| ج | *jīm* | j |
| ح | *hā’* | ḥ |
| خ | *khā’* | kh |
| د | *dāl* | d |
| ذ | *dhāl* | dh |
| ر | *rā’* | r |
| ز | *zay* | z |
| س | *sīn* | s |
| ش | *shīn* | sh |
| ص | *ṣād* | ṣ |
| ض | *ḍād* | ḍ |
| ط | *ṭā’* | ṭ |
| ظ | *ẓā’* | ẓ |
| ع | *‘ayn* | ‘ |
| غ | *ghayn* | gh |
| ف | *fā’* | f |



Budaya Popular 1.indd 11 19-Sep-24 2:46:52 PM

| | | |
|---|---|---|
| ق | *qāf* | q |
| ك | *kāf* | k |
| ل | *lām* | l |
| م | *mīm* | m |
| ن | *nūn* | n |
| و | *waw* | w |
| ه | *hā'* | h |
| ي | *yā'* | y |
| ة | *tā' marbūṭah* | h,t |

ii. Huruf Vokal

| Vokal | Huruf Arab | Huruf Latin |
|---|---|---|
| Pendek | (fathah) | a |
| | (dammah) | u |
| | (kasrah) | i |
| Panjang | آ | ā |
| | وُا | ū |
| | يُ ا | ī |
| Diftong | وُا | aw |
| | يُ ا | ay |
| | يُ | iy/ī |
| | وُ | uww |

**Catatan:**

Format penulisan ini adalah berpandukan Buku Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2012), Edisi Ketiga.



Budaya Popular 1.indd 12 19-Sep-24 2:46:52 PM

# PRAKATA

Fenomena budaya popular merupakan suatu realiti yang tidak dapat dipisahkan dalam sistem sosial dan budaya sesebuah masyarakat. Perkembangannya bertambah rancak dengan revolusi industri dan ledakan kemajuan teknologi maklumat serta komunikasi. Lantas mendorong kepada penyaluran budaya asing secara terbuka, bebas, tanpa sempadan dan disambut dengan peniruan serta peminjaman budaya oleh pihak lain.

Di Malaysia, penularan budaya popular dari luar ini secara tidak langsung mengancam sistem nilai, norma sosial serta budaya asli masyarakat setempat. Selain itu, ia turut menimbulkan persoalan berkaitan hukum Islam kerana melibatkan unsur penyerupaan (*tashabbuh*) yang dilarang. Sehubungan dengan itu, kajian ini menfokuskan terhadap analisis budaya popular terpilih yang menjadi ikutan khusus dalam kalangan masyarakat Melayu Islam pada masa kini. Antaranya amalan *bridal shower*, swafoto kematian, fotografi pra-perkahwinan dan juga hiburan seperti *K-pop*, tarian *rave* dan *Tik-Tok*. Bagi mencapai objektif kajian, penulis mengaplikasi reka bentuk kajian kualitatif sepenuhnya dalam mengumpul dan menganalisis data. Data-data kajian dikumpul berdasarkan kajian kepustakaan melalui dokumen bercetak (bertulis) dan tidak bercetak (visual). Data yang dikumpul telah dianalisis kandungannya. Penulis turut menggunakan pendekatan *al-'urf* bagi menentukan status amalan budaya popular dalam kalangan masyarakat Melayu sama ada diklasifikasikan sebagai amalan yang sahih (diterima) ataupun fāsid (ditolak).

Hasil perbincangan mendapati, terdapat budaya popular yang mendatangkan manfaat dan berimpak positif kepada masyarakat



Budaya Popular 1.indd 13 19-Sep-24 2:46:52 PM

tempatan. Justeru budaya dalam kategori ini adalah diterima dan hukumnya adalah harus. Sebaliknya, budaya popular yang mendorong tindakan hedonistik, melanggar batasan syarak serta bertentangan dengan nilai serta norma hidup masyarakat tempatan diklasifikasikan sebagai suatu amalan yang ditolak kerana boleh membawa kepada kepincangan dalam kehidupan masyarakat. Sehubungan dengan itu, masyarakat Islam perlu berhati-hati dalam peniruan dan pengamalan budaya popular masyarakat asing agar terhindar daripada larangan Syarak dan batasannya.



Budaya Popular 1.indd 14 19-Sep-24 2:46:52 PM

# PENGHARGAAN

بسم الله الرحمن الرحيم

Segala puji bagi Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga dan para sahabat Baginda.

Dengan penuh rasa syukur dan rendah hati, kami, sidang penulis buku "Budaya Popular dalam Masyarakat Melayu: Analisis menurut Perspektif Hukum", ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan bantuan dalam penulisan dan penerbitan buku ini.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada keluarga, yang telah memberikan dorongan, doa, dan kasih sayang yang tidak berbelah bahagi. Tanpa sokongan moral dan emosi mereka, penulisan buku ini tidak mungkin dapat diselesaikan.

Seterusnya, penghargaan yang tidak terhingga kepada para pensyarah dan rakan-rakan di Universiti Malaya yang telah memberikan panduan, nasihat, dan kritikan yang membina sepanjang proses penulisan ini.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penerbit, Penerbit UTHM, yang telah memberikan peluang dan kepercayaan untuk menerbitkan buku ini. Kerjasama yang diberikan oleh semua kakitangan penerbit amat kami hargai.

Tidak lupa juga kepada semua rakan penyelidik dan responden kajian yang telah berkongsi pandangan, pengalaman, dan



Budaya Popular 1.indd 15 19-Sep-24 2:46:52 PM

maklumat yang sangat berharga dalam membantu penulisan buku ini. Sumbangan anda semua amat penting dalam memastikan buku ini dapat disiapkan dengan baik.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pembaca yang telah memilih buku ini. Diharapkan buku ini dapat memberikan manfaat dan menambah pengetahuan mengenai budaya popular dalam masyarakat Melayu dari perspektif hukum.

Semoga Allah SWT memberkati usaha kita semua dan menjadikan ilmu yang dikongsi ini sebagai amal jariah yang berterusan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**Sidang Penulis**

# PENDAHULUAN

Hukum merupakan arahan (*khiṭāb*) Tuhan yang mempunyai kaitan dengan perilaku manusia. Ia terkandung dalam wahyu yang menjadi aturan dan dasar bagi panduan hidup mukalaf. Proses pembinaan hukum Islam didasari dengan tiga unsur teras iaitu wahyu, manusia dan realiti persekitaran setempat. Berdasarkan unsur-unsur tersebut, sesuatu nilai hukum itu tidaklah bersifat rigid, bahkan fleksibel menepati sifat *al-murūnah* (anjal) bagi syariat Islam. Hal ini kerana, tabiat kehidupan manusia itu yang bersifat dinamik dan sentiasa berkembang dalam memastikan keperluan hidup mereka mampu mengadaptasi perubahan zaman dan keadaan semasa.

Kehidupan manusia yang dinamik dapat dilihat pada perubahan terhadap laku-perbuatan masyarakatnya. Perubahan tersebut membawa kepada perubahan cara dan gaya kehidupan seharian mereka yang akhirnya membawa kepada perubahan budaya. Pembentukan sesuatu budaya bentuk baru dalam kalangan masyarakat sangat berkait rapat dengan proses sosial. Antara proses sosial tersebut melibatkan proses asimilasi[1], akulturasi[2], realiti semasa dan tuntutan setempat masyarakat. Tambahan lagi, bagi konteks negara Malaysia yang masyarakatnya hidup dalam keadaan majmuk berbilang bangsa dan agama menjadikan mereka lebih bersifat terbuka. Ini kerana, terdapat dakwaan yang menyatakan bahawa penduduk berbilang bangsa kelihatan lebih mudah terpengaruh, dan melakukan perubahan. Masyarakat yang terdiri daripada penduduk yang mempunyai latar belakang etnik yang

---

[1]Asimilasi: Pemaduan bermacam-macam jenis atau berbagai-bagai unsur menjadi satu (pemaduan unsur-unsur kebudayaan yang berlainan menjadi satu kebudayaan).
[2]Akulturasi: Penyerapan unsur-unsur kebudayaan dari satu budaya kepada budaya lain.



Budaya Popular 1.indd 1 19-Sep-24 2:46:52 PM

# KONSEP BUDAYA POPULAR

Setiap masyarakat sama ada lambat atau cepat tidak terkecuali daripada mengalami perubahan budaya.[46] Fenomena globalisasi yang semakin rancak pada hari ini telah menyebabkan pengaliran pelbagai unsur baru dan nilai budaya asing secara bebas dalam sistem sosial masyarakat global. Antara unsur seperti yang dimaksudkan ialah unsur budaya popular. Penularan unsur budaya ini menjadi suatu fenomena yang memperlihatkan ciri-ciri penghidupan masyarakat dalam bentuk gaya hidup baru dan moden. Kemunculan budaya ini mempunyai sejarah dan latar belakang perkembangannya yang tersendiri. Budaya popular secara umum boleh difahami sebagai suatu perkara atau aktiviti-aktiviti kegemaran ramai yang kini giat disalurkan melalui media massa. Kemunculan budaya popular yang disambut baik oleh kelompok masyarakat pastinya meninggalkan dampak moral-sosial yang tersendiri ke atas kehidupan seharian mereka.

Kemunculan dan pertumbuhan budaya popular baharu dalam sistem sosial mempunyai pro dan kontra terhadap kehidupan bermasyarakat sama ada membawa kebaikan atau sebaliknya yang boleh mendatangkan keburukan terhadap kehidupan masyarakat. Apa yang menjadi kepastian, impak kemunculannya dilihat mampu mengkonstruk jati diri baru masyarakat terutama dalam kalangan kelompok muda mudi.[47] Maka, bahagian ini secara khususnya akan membahaskan berkenaan dengan konsep, ciri-ciri dan beberapa

[46]Shaliza Binti Dasuki et al., "Perkembangan Budaya Popular dan Perubahan Sosio-Budaya Pasca Moden: Adaptasi Budaya Asing dalam Perkahwinan Melayu," (makalah, International Conference on Malay Heritage and Civilisation, 16 Disember 2015), 1.
[47]Rizky Hafiz Chaniago dan Fuziah Kartini Hassan Basri, "Budaya Popular dan Komunikasi: Impak Kumpulan Slank Terhadap Slankers di Indonesia," *Malaysian Journal of Communication* 27 (1), (2011), 94.



Budaya Popular 1.indd 17 19-Sep-24 2:46:53 PM

# CIRI-CIRI BUDAYA POPULAR

Dalam keadaan yang sedar atau tidak, sesuatu pilihan berkenaan cara dan gaya dalam kehidupan seharian kita dari dulu sehingga kini mempunyai kaitan rapat dengan pengaruh budaya popular yang tular dalam sistem sosial. Realiti yang berlaku ini bukanlah suatu perkara baru. Ini kerana, secara semula jadinya, manusia itu saling mempengaruhi di antara satu sama lain dalam kehidupan seharian yang akan mempengaruhi pembentukan sistem nilai (etos)[83] mereka. Maka, dalam proses memahami tentang budaya popular, ciri-ciri budaya ini perlu diperjelaskan agar perbincangan dan penulisan menjadi lebih jelas dan tidak menimbulkan kekeliruan. Maka, bagi ciri-ciri budaya popular secara umumnya adalah seperti berikut;

## 1. Melahirkan Fenomena Ikutan

Budaya popular meliputi perkara-perkara dalam semua aspek kehidupan manusia. Berdasarkan realiti, kemunculannya lebih tertumpu pada perkara hiburan sehingga menimbulkan fenomena. Hal ini kerana, aspek hiburan adalah perkara yang diminati oleh majoriti masyarakat. Dunia tanpa sempadan telah banyak merancakkan lagi pengaliran secara bebas informasi dan unsur-unsur budaya baru dalam kehidupan masyarakat. Unsur-unsur ini seterusnya dipopularkan secara meluas melalui saluran media massa sehingga berjaya membentuk suatu budaya yang popular dalam kalangan masyarakat.[84] Justeru, cita rasa masyarakat mempunyai peranan besar yang menjadi penentu kepada corak pembentukan budaya popular. Nilai dan permintaan semasa yang tersebar dalam

[83]Etos: Sifat, ciri dan pandangan hidup bagi sesuatu bangsa.

[84]Obiageli Pauline Ohiagu dan Victor Ogbonnaya Okorie, "Social Media: Shaping and Transmitting Popular Culture," *Covenant Journal of Communication* 2 (1), (2014), 93-96.



Budaya Popular 1.indd 27 19-Sep-24 2:46:54 PM

# PERKEMBANGAN BUDAYA POPULAR

Budaya popular mempunyai sejarah dan latar belakang perkembangannya yang tersendiri. Perkembangan budaya popular ini berlaku dalam keadaan yang pelbagai. Menurut Wan Abdul Kadir[97], Manfred B. Steger[98] dan Willbert E. Moore[99] yang membincangkan berkaitan faktor kemunculan budaya popular dalam kalangan masyarakat menjelaskan bahawa hakikat yang tidak dapat disanggah dalam kehidupan ini ialah fenomena globalisasi telah menjadikan kehidupan dunia tanpa sempadan yang membolehkan pemindahan unsur dan nilai budaya asing dilakukan secara bebas tanpa batasan. Pernyataan ini seterusnya dikuatkan dengan kajian-kajian semasa seperti yang dilakukan oleh Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff[100], Baharuddin H. Puteh[101], Zarqa Azhar[102]. Menurut mereka, fenomena globalisasi adalah fenomena yang menyentuh dan menekan pelbagai aspek (*multifaceted*) dalam kehidupan manusia. Adlina Ab. Halim[103] melalui kajiannya menyatakan bahawa perkara ini disebabkan oleh berlakunya

[97]Wan Abdul Kadir, *Budaya Popular dalam Masyarakat Melayu Bandaran*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), 7.

[98]Manfred B. Steger, *Globalization A Very Short Introduction: Globalisasi Pengenalan Ringkas*, terj. Azmi Amad, (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia), 87-102.

[99]Willbert E. Moore, *The Social Change: Perubahan Sosial*, terj. Cheu Hock Tong, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), 131.

[100]Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff dan Muammar Ghaddaffi Hanafiah, "Impak Media Baharu Terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu di Malaysia," *Malaysian Journal of Communication* 31 (2), (2015), 33-46.

[101]Baharuddin H. Puteh dan Mohamad Nazli H. Omar, "Islam dan Kebudayaan Melayu di Era Globalisasi di Malasyia," *Jurnal Sosial Budaya: Media Komunikasi Ilmu-ilmu Sosial dan Budaya* 10 (1), (2014), 115-119.

[102]Zarqa Azhar, Yasir Nawaz Manj, Arshad Hussain Hashmi, Farah Riaz, Tauqeer Ahmed dan Malik Muhammad Sohail, "Impact of Globalization on Youth Cultural Identity," *Mediterranean Journal of Social Sciences* 5 (23), (2014), 2198-2210.

[103]Adlina Ab. Halim, "Cultural Globalisation and Its Impact Upon Malaysian Teenagers," *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 8, (2007), 179-191.



Budaya Popular 1.indd 33 19-Sep-24 2:46:54 PM

# FAKTOR PERTUMBUHAN BUDAYA POPULAR DALAM SISTEM SOSIAL MASYARAKAT

Penerimaan unsur budaya popular dalam kalangan masyarakat pastinya meninggalkan impak sama ada positif mahupun negatif. Sebagaimana yang sedia maklum, setiap fenomena yang melanda kehidupan masyarakat mempunyai faktornya yang tersendiri. Faktor-faktor ini pula boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu faktor dalaman (*internal*) dan faktor luaran (*external*). Pertamanya bagi faktor luaran, ia adalah faktor di luar masyarakat itu sendiri yang menyebabkan budaya popular ini berjaya mendapat tempat dalam kalangan majoriti mereka. Manakala bagi faktor dalaman pula, merupakan faktor yang bersumberkan daripada masyarakat itu sendiri. Faktor ini sama ada melalui individu, kelompok masyarakat atau institusi-institusi sosial seperti majlis keramaian, penganjuran program-program tertentu dan sebagainya.[132]

Bagi faktor luaran, antara yang menjadi pendorong utama kepada penerimaan budaya popular dalam kalangan masyarakat ialah proses globalisasi.[133] Peningkatan proses globalisasi lebih-lebih lagi pada masa kini secara tidak langsung telah membawa kepada beberapa perubahan dalam kehidupan masyarakat yang merentasi pelbagai

[132]Wan Abdul Kadir, *Transmisi Budaya Popular*, 5.
[133]Wan Abdul Kadir, *Budaya Popular dalam Pembangunan Masyarakat dan Budaya Melayu*, 6



Budaya Popular 1.indd 43 19-Sep-24 2:46:55 PM

# BUDAYA POPULAR DALAM MASYARAKAT MELAYU-ISLAM DI MALAYSIA

Fenomena budaya popular yang melanda dunia masa kini sedikit sebanyak telah memberi kesan dalam kehidupan masyarakat sehari-hari. Fenomena ini seperti yang dinyatakan oleh Wan Abdul Kadir sebagai suatu arus pengaliran budaya moden yang berpontensi mempengaruhi nilai-nilai sosial masyarakat setempat. Dalam kajian sosiologi, budaya popular berkait rapat dengan istilah '*urban product*' yang merujuk kepada suatu bentuk budaya baharu dan moden. Oleh demikian, fenomena pengaliran budaya moden di peringkat global secara meluas tanpa batas meninggalkan impak tersendiri terhadap gaya hidup masyarakat masa kini. Negara Malaysia sebagai sebuah negara sedang membangun antara tidak terkecuali menerima tempias impak tersebut yang membawa kepada perubahan gaya hidup masyarakat tanpa mengira kelas sosial.[146] Hal ini kerana, unsur budaya tersebut dilihat semakin mendapat tempat sehingga menjadi sebahagian daripada keperluan baru bagi hidup masyarakat moden masa kini.[147] Dari sudut lain, keadaan tersebut juga dilihat boleh mempengaruhi peradaban sesebuah masyarakat. Oleh yang demikian, realiti ini jika tidak diurus sebaiknya akan membawa kepada kepincangan dalam sistem sosial sesebuah masyarakat.

[146]Wan Abdul Kadir, *Budaya Popular dalam Pembangunan Masyarakat dan Budaya Melayu*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003), 6-8
[147]*Ibid.*, 47



Budaya Popular 1.indd 51 19-Sep-24 2:46:55 PM

# PENDEKATAN HUKUM ISLAM DALAM ANALISIS BUDAYA POPULAR

Fenomena kemunculan budaya popular dalam sistem sosial masyarakat tempatan pada masa kini dilihat semakin rancak. Realiti ini menuntut kepada usaha para pengkaji syarak melakukan proses penilaian dengan menganalisis nilai serta unsur pengamalan budaya tersebut. Usaha ini begitu penting kerana penyelesaian hukum berkaitan budaya popular terkait dengan elemen sosiologi iaitu menyentuh tentang latar belakang sistem sosial masyarakat tempatan. Pengabaian kepada usaha ini boleh menimbulkan kepincangan dalam hidup masyarakat setempat.[217] Malah, ia juga boleh menjatuhkan reputasi syariat Islam yang dinamik dan sesuai sepanjang zaman dalam menjamin kebajikan manusia. Maka, merujuk kepada alat analisis pengamalan budaya popular, antara sumber penentuan hukum Islam yang sesuai dalam pembendaharaan syarak ialah instrumen *al-ʿurf*.

Dalam perbincangan berkaitan autoriti *al-ʿurf* sebagai sumber penentuan hukum Islam bercirikan setempat, penulis mendapati bahawa, perkara yang sering diketengahkan ialah kepentingan untuk mengambil kira *ʿurf* dalam proses penentuan dan penyelidikan hukum Islam seperti yang ditekankan dalam tulisan

[217]Komaruddin Hidayat, *Agama untuk Peradaban: Membumikan Etos Agama dalam kehidupan*. (Jakarta: Pustaka Alvabet, 2019), 24-26.



Budaya Popular 1.indd 79 19-Sep-24 2:46:57 PM

# ANALISIS BUDAYA POPULAR DARI PERSPEKTIF HUKUM ISLAM

Fenomena budaya popular adalah suatu realiti yang tidak boleh dinafikan kehadirannya dalam kehidupan manusia. Pertumbuhan budaya ini berlaku dalam pelbagai variasi selari dengan perubahan masa yang berlaku. Malah, realiti dunia tanpa sempadan pada hari ini merancakkan lagi pertumbuhan budaya popular. Perkara ini berlaku kesan daripada pengaliran informasi tanpa batasan dalam kehidupan masyarakat. Ikutan demi ikutan masyarakat terhadap budaya popular adalah kesan daripada proses interaksi yang berlaku. Proses interaksi ini berlaku dalam sistem sosial daripada individu kepada individu seterusnya membentuk suatu kelompok sama ada dalam jumlah yang kecil atau besar. Budaya popular yang sedang menjadi ikutan ini seterusnya akan bertahan dalam tempoh yang berbeza.

Mohd Khairuddin Mohd Sallehuddin[249], Nor Hashimah Jallaluddin [250], Veldia Ardia[251] telah membincangkan tentang pengamalan budaya bentuk baharu yang sedang popular dalam kalangan masyarakat setempat pada masa kini. Menerusi kajian Sharifah

[249]Mohd Khairuddin dan Mohammad Fauzi, "Impian dan Realiti Majlis Perkahwinan Orang Melayu Masa Kini: Kajian Kes di Pinggir Bandar Kuala Lumpur," 1-12

[250]Nor Hashimah Jallaluddin dan Zaharani Ahmad, "Hallyu di Malaysia: Kajian Sosiobudaya," *Malaysian Journal of Communication* 27 (2), (2011), 203-219

[251]Velda Ardia, "Drama Korea dan Budaya Popular," *Jurnal Komunikasi* 2 (3), (2014), 1-10.



Budaya Popular 1.indd 91 19-Sep-24 2:46:58 PM

# PENUTUP

Berdasarkan perkembangan yang dialami dalam kehidupan manusia, fenomena penularan budaya popular dalam sistem sosial sesebuah masyarakat bertambah rancak dari masa ke semasa. Malah, unsur budaya ini akan terus berkembang dan mengalami perubahan mengikut konteks serta arus permintaan yang menjadi tumpuan semasa (*trending*). Situasi ini turut memberi gambaran kepada para penulis akan kemunculan unsur dan permasalahan bentuk baru pada masa akan datang yang harus diberi perhatian secara serius. Ia bagi menangani tempias impak buruk budaya ini terhadap sistem sosial masyarakat setempat. Permasalahan semasa berkaitan budaya popular mempunyai pelbagai pendekatan analisisnya selari dengan disiplin kajian budaya yang bersifat multidisiplin. Pernyataan ini bertepatan dengan pengertian budaya yang mencakupi pelbagai aspek dalam kehidupan manusia.

Secara umumnya, budaya popular yang merujuk pada masa kini ialah sebuah cara hidup berasaskan budaya arus perdana yang menjadi ikutan orang ramai tanpa mengira kelompok kelas sosial. Budaya ini berasaskan daripada bahan-bahan budaya yang diperdagangkan secara komersial dan seumpamanya melalui penyaluran media yang pelbagai mengikut perkembangan semasa sehingga menjadi simbol yang dikenali ramai.

Setelah dianalisis, setiap budaya popular mempunyai latar belakang isunya yang tersendiri. Bagi budaya popular yang tidak bertentangan dengan nas syarak dan tidak melanggar nilai serta norma hidup masyarakat tempatan Melayu Islam (*khawāriq al-ʿādāt*) diklasifikasi sebagai pengamalan yang *saḥīḥ* (diterima). Sebaiknya, budaya popular yang bertentangan dengan kedua aspek tersebut pula diklasifikasikan sebagai pengamalan yang *fāsid* (ditolak).



Budaya Popular 1.indd 149 19-Sep-24 2:47:02 PM

# BIBLIOGRAFI


8 Individu Panjat IPOH Beri Keterangan Polis. *Berita Harian Online*, diakses 8 Januari 2019, *https://www.bharian.com.my/node/229482*.

#boekdancer #lagidancer #ravermalaya #ravermalaysia #sotong #rave #raverklcc #lrt. video *Instagram*, dikemaskini 21 Disember, 2016, diakses pada 18 Mac, 2019, *https://www.instagram.com/p/BORiV0eheYp/. Dkemaskini pada 2 Januari, 2017, diakses pada 18 Mac, 2019, https://www.instagram.com/p/BOvWbephIBY/*.

#semuasudah. Video *TikTok*, diakses pada 19 Mac, 2019, *https://www.tiktok.com/share/challenge/1619658450321409?refer=pc_reflow_challenge&langCountry=en*.

(10 Foto) Dynas Mokhtar Nikmati Parti Buih Bersama Rakan-Rakan di Hotel Mewah Sebelum Berkahwin April Ini. *Beautifulnara*, dikemaskini 30 Mac, 2018, diakses pada 13 Mac, 2019, *https://beautifulnara.com/10-foto-dynas-mokhtar-nikmati-parti-buih-bersama-rakan-rakan-di-hotel-mewah-sebelum-berkahwin-april-ini/*.

(7 Foto) Pra Perkahwinan Shukri Yahaya & Tya Adnan. *Beautifulnara*, dikemaskini 12 Oktober, 2015, diakses pada 13 Mac, 2019, *https://beautifulnara.com/7-foto-pra-perkahwinan-shukri-yahaya-tya-adnan/*.

(Foto & Video) *Pre-Wedding* Fasha Sandha dan Aidil Aziz. *Beautifulnara*, dikemaskini 12 Mac, 2019, diakses pada 13 Mac, 2019, *https://beautifulnara.com/foto-video-pre-wedding-fasha-sandha-dan-aidil-aziz/*.




Budaya Popular 1.indd 157 19-Sep-24 2:47:02 PM

Abdul Karim Ali. "Faktor-faktor Semasa dan Setempat di Malaysia yang Boleh Mempengaruhi Penafsiran Nas Syarak Dalam Menentukan Hukum." Dalam *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, ed. Paizah Ismail & Ridzwan Ahmad. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2000.

Abū Daud Sulaimān bin al-Ashʿath al-Azdī al-Sajistānī, ed. Shuaib al-Arnā'ūt dan Muhammad Kāmil Qarah Balilī. Beirut: Dar al-Risālah al-ʿĀlamiyah, 2009.

Abu Zahrah, Muhammad, *Usul al-Fiqh*. Kaherah : Dar al-Fikr al-'Arabi, 1958.

Abudi Lakar Nama di Puncak Menara. Video *YouTube*, *Sinar TV*, dikemaskini 6 November, 2015, diakses pada 14 Mac, *https://www.youtube.com/*

Adlina Ab. Halim, "Cultural Globalisation and Its Impact Upon Malaysian Teenagers," *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 8, (2007).

Afiq Amani Nahdirsha, Ritual Agama Lain Boleh Jejaskan Akidah. *Kosmo Online*, dikemaskini 1 Januari, 2018, diakses pada 17 Mac, 2019, *http://www.kosmo.com.my/k2/rencana-utama/ritual-agama-lain-boleh-jejaskan-akidah-1.582359*.

Afiq Hanif, TikTok Kerjasama dengan UiTM. *Harian Metro*, dikemaskini 29 November, 2018, diakses pada 19 Mac, 2019, *https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20181129/282514364593019*.

Ahmad bin Hanbal. *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal*, ed. Shuaib al-Arnaut dan ʿĀdil Mursyid. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2009.

Ahmad Fahmī Abū Sunnah. *Al-ʿUrf wa Al-ʿĀdah fi ra'yī Al-Fuqahā'*. Mesir: Dar Al-Baṣāir, 2004.



Budaya Popular 1.indd 158 19-Sep-24 2:47:02 PM

# BUDAYA POPULAR

## Dalam Masyarakat Melayu :
## Analisis Perspektif Hukum Islam

Fenomena budaya popular merupakan suatu realiti yang tidak dapat dipisahkan dalam sistem sosial dan budaya sesebuah masyarakat. Perkembangannya bertambah rancak dengan revolusi industri dan ledakan kemajuan teknologi maklumat serta komunikasi. Lantas mendorong kepada penyaluran budaya asing secara terbuka, bebas, tanpa sempadan dan disambut dengan peniruan serta peminjaman budaya oleh pihak lain.

Di Malaysia, penularan budaya popular dari luar ini secara tidak langsung mengancam sistem nilai, norma sosial serta budaya asli masyarakat setempat. Selain itu, ia turut menimbulkan persoalan berkaitan hukum Islam kerana melibatkan unsur penyerupaan (tashabbuh) yang dilarang. Sehubungan dengan itu, kajian ini menfokuskan terhadap analisis budaya popular terpilih yang menjadi ikutan khusus dalam kalangan masyarakat Melayu Islam pada masa kini. Antaranya amalan *bridal shower,* swafoto kematian, fotografi pra-perkahwinan dan juga hiburan seperti K-pop, tarian *rave* dan Tik-Tok. Bagi mencapai objektif kajian, penulis mengaplikasi reka bentuk kajian kualitatif sepenuhnya dalam mengumpul dan menganalisis data. Data-data kajian dikumpul berdasarkan kajian kepustakaan melalui dokumen bercetak (bertulis) dan tidak bercetak (visual). Data yang dikumpul telah dianalisis kandungannya. Penulis turut menggunakan pendekatan al-'urf bagi menentukan status amalan budaya popular dalam kalangan masyarakat Melayu sama ada diklasifikasikan sebagai amalan yang saḥīḥ (diterima) ataupun fāsid (ditolak).

Hasil kajian mendapati, terdapat budaya popular yang mendatangkan manfaat dan berimpak positif kepada masyarakat tempatan. Justeru budaya dalam kategori ini adalah diterima dan hukumnya adalah harus. Sebaliknya, budaya popular yang mendorong tindakan hedonistik, melanggar batasan syarak serta bertentangan dengan nilai serta norma hidup masyarakat tempatan diklasifikasikan sebagai suatu amalan yang ditolak kerana boleh membawa kepada kepincangan dalam kehidupan masyarakat. Sehubungan dengan itu, masyarakat Islam perlu berhati-hati dalam peniruan dan pengamalan budaya popular masyarakat asing agar terhindar daripada larangan Syarak dan batasannya.

ISBN 978-629-490-091-2
9 786294 900912

Sila imbas kod untuk maklumat lanjut

Penerbit UTHM